



KENYATAAN MEDIA
YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

**MAJLIS ISTIADAT PELANTIKAN DAN MENGANGKAT SUMPAH
JAWATAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERLIS**

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis telah berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Perlis pada hari ini, jam 11.00 pagi bertempat di Balai Menghadap, Istana Arau, Perlis.

Seramai **empat (4)** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perlis yang dilantik sebagai Ahli MMKN yang baharu iaitu **YB Tuan Izizam Bin Ibrahim (ADUN Titi Tinggi)**, **YB Datin Marzita Binti Mansor (ADUN Sena)**, **YB Tuan Megat Hashirat Bin Hassan (ADUN Pauh)** dan **YB Tuan Wan Zikri Afthar Bin Ishak (ADUN Tambun Tulang)**. Senarai penuh Ahli MMKN bersama portfolio masing - masing adalah seperti di **Lampiran A.**

DATO' RAHIMI BIN ISMAIL

Setiausaha Kerajaan,
Negeri Perlis

8 Januari 2026

Semua kenyataan rasmi Kerajaan Negeri Perlis boleh dirujuk di portal rasmi Kerajaan Negeri Perlis:

www.perlis.gov.my

**SENARAI PORTFOLIO
AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERLIS**

BIL.	NAMA	PORTFOLIO
1.	YAB TUAN ABU BAKAR BIN HAMZAH <i>(Menteri Besar / Pengerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri)</i>	▪ Pentadbiran & Kewangan ▪ Pelaburan & Ekonomi ▪ Tanah & Sumber Asli ▪ Pelancongan & Seni Budaya ▪ Infrastruktur & Kemajuan Luar Bandar ▪ Keselamatan & Hubungan Sempadan
2.	YB TUAN IZIZAM BIN IBRAHIM <i>(Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri)</i>	▪ Hal Ehwal Agama ▪ Perumahan & Kerajaan Tempatan ▪ Kepenggunaan ▪ Sumber Manusia & Modal Insan
3.	YB DATIN MARZITA BINTI MANSOR <i>(Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri)</i>	▪ Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat ▪ Pendidikan ▪ Perpaduan ▪ Kebajikan & Pembasmian Kemiskinan
4.	YB TUAN MEGAT HASHIRAT BIN HASSAN <i>(Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri)</i>	▪ Pertanian ▪ Kesihatan ▪ Keusahawanan & Koperasi ▪ Alam Sekitar
5.	YB TUAN WAN ZIKRI AFTHAR BIN ISHAK <i>(Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri)</i>	▪ Belia & Sukan ▪ Komunikasi & Digital ▪ Pengangkutan ▪ Sains, Teknologi & Inovasi